

**Harga Simen Naik, PKMM Mahu Bincang Dengan Kerajaan
Bernama
10 Ogos, 2012**

ALOR SETAR, 10 Ogos (Bernama) -- Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) akan mengadakan pertemuan dengan kerajaan sekiranya masalah kenaikan harga simen berterusan.

Naib Presiden PKMM, Ahmad Fatahi Omar berkata pihaknya membantah tindakan pembekal simen menaikkan harga sejak 1 Ogos lepas, yang sebenarnya lebih kepada usaha mendapatkan untung yang lebih.

Beliau yang juga Yang Dipertua PKMM Kedah berkata sekiranya hal ini berterusan pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk membincangkan perkara itu.

"Pihak pembekal tidak boleh menaikkan harga simen sewenang-wenangnya kerana hal ini boleh menjejaskan banyak projek pembangunan yang bakal dilaksanakan.

"Buat masa ini hanya Lafarge Malayan Cement Bhd yang menaikkan harga. Pihak kami bimbang jika ia berterusan pembekal lain juga akan menaikkan harga," kata Ahmad Fatahi kepada pemberita di sini Jumaat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687253>